

Kementerian Pelajaran sedia kaji Sastera Melayu jadi subjek wajib

BH : Rabu 20/6/2007

KUALA LUMPUR: Kementerian Pelajaran akan mengkaji cadangan Ketua Pengerah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Dr Firdaus Abdullah yang meminta mata pelajaran Sastera Melayu dijadikan subjek wajib di sekolah.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata ia adalah mustahil untuk memasukkan semua bidang sebagai mata pelajaran jika dilihat dari segi masa pembelajaran yang ada sekarang.

"Kalau nak ambil kira permintaan semua pihak macam-macam sampai pendidikan seks nak dilihat sebagai satu mata pelajaran. Dalam

satu hari ada 24 jam dan bukan sepanjang masa anak kita berada di sekolah.

"Tetapi memang penekanan kita dalam konteks budaya, seni dan identiti adalah satu teras kita dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP).

"Jadi itu memang agenda kita, cara bagaimana nak menjayakan agenda itu ada pelbagai sebab tak semestinya dilihat dalam konteks mata pelajaran atau kurikulum saja," katanya ketika mewakili Kerajaan Malaysia pada majlis sambutan ulang tahun Hari Lahir Ratu Elizabeth II di Kediaman Rasmi Pesuruhjaya Tinggi Britain di sini, petang semalam.

Hishammuddin diminta mengulas kenyataan Firdaus yang mencadangkan mata pelajaran Sastera Melayu hendaklah diwajibkan kepada semua pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam.

Ditanya mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mengingatkan penyokong kerajaan menjaga tutur kata, selain tidak keterlaluan ketika berbahas sesuatu isu di Dewan Rakyat, Hishammuddin yang juga Ketua Pemuda Umno, berkata teguran itu sebagai peringatan kepada semua wakil rakyat.